

SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ: KERANGKA MINIMALIS¹

Fazal Mohamed Mohamed Sultan

fazal@ukm.my

Nor Hashimah Jalaluddin

shima@ukm.my

Harishon Radzi

naslin@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Umumnya, ada tiga pola utama berhubung dengan kedudukan kata soal. Pola pertama ialah kata soal berpindah ke posisi awal kalimat dan mengambil ruang lingkup awal kalimat yang dikenali sebagai posisi skop ayat soal tersebut. Pola kedua ialah kata soal mempunyai kedudukan yang sama yang akan diduduki oleh jawapannya nanti, fenomena ini disebut sebagai *wh in-situ*. Pola ketiga ialah kata soal dapat berpindah ke tengah-tengah kalimat, yang dikenali sebagai kata soal separuh gerak. Mendriq merupakan bahasa yang dituturkan oleh sebilangan kecil peribumi di Malaysia Timur, menunjukkan dua pola kata soal, iaitu kata soal bergerak dan pada kata soal *in situ*, dalam kalimat yang sama. Fenomena ini sangat nyata dalam kedua-dua kata soal, iaitu *naken* “siapa” dan *luk ai* atau *alow* “apa”, yang dikenali sebagai kata soal argumen dalam penulisan ini. Kami mendakwa bahawa kata soal ini tidak hanya bersifat *in situ* tetapi kedua-duanya juga mengamati pergerakan. Chomsky (1993) mencadangkan fitur [Q] memiliki ciri yang kuat dalam semua bahasa. Selain itu, Adger

FAZAL MOHAMED, NOR HASHIMAH DAN HARISHON

(2003) pula mencadangkan bahawa [Q] yang kuat memiliki fitur tak berinterpretasi [uwh] yang kuat pada KOMP, mewajibkan kata soal berpindah ke kedudukan skop, iaitu Spek FKOMP, untuk menyemak fitur tak berinterpretasi secara lokal. Menjaga tuntutan Chomsky dan mengamati saranan Adger, penulis mencadangkan bahawa fenomena *in situ* dan fenomena pergerakan adalah kerana kehadiran Op kosong yang memiliki [wh] untuk kedua-dua kata soal dalam bahasa ini. Op ini boleh berpindah ke Spek FKOMP untuk menyemak secara lokal [uwh] yang menyebabkan kata soal tetap berada *in situ* atau kata soal boleh bergerak secara pilihan ke Spek FKOMP sebelum Cetusan untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [uwh] pada Spek FKOMP.

Kata Kunci: sintaksis, kata soal, argumen, bahasa Mendriq, apa, siapa

Abstract

In general, there appear to be three major patterns with regard to the position of wh-question words. The first pattern is that they move to the beginning of a sentence and form the scope of the sentence in which the question occur. The second pattern is to remain in the same position in which the answer would occur, a phenomenon widely referred to as wh in-situ. The third pattern is that they may move to the middle of a sentence, this is known as partially moved wh. Mendriq, a language spoken by a small number of aborigines in the East Malaysia, instantiates the first two patterns, moved wh and in-situ wh, in the same sentence. This phenomenon is evident in the two wh-question, naken “who” and luk ai or alow “what”, which are referred to as argument questions in this paper. We claim that these wh-questions are not only in-situ wh-questions but also exhibit movement. Chomsky (1993) proposed that the [Q]-feature of C is strong in all languages. In addition, Adger (2003) proposed that the strong [Q]-feature also has a strong uninterpretable feature [uwh] on C, which causes the wh to move to the scope position, Spec CP, to check the feature locally. Keeping Chomsky’s claim and observing Adger’s suggestion, writers propose that the in-situ and the moved phenomena are due to the empty Op which has a [wh]-feature on both wh-questions in this language. The Op may move to Spec CP to check locally the [uwh] which causes the argument questions to remain in situ or the argument questions may move optionality to the



SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

Spec CP before Spell Out to check the strong [uwh]-feature locally at the Spec CP.

Keywords: Syntax, wh-question words, argument, Mendriq language, what, who


PENDAHULUAN

Kehadiran kata soal dalam sesuatu ayat menjadikan ayat tersebut ayat soal. Ayat soal pula boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ayat soal terbuka dan ayat soal tertutup. Jenis ayat soal pula mudah dikenal pasti kerana setiap jenis ayat ini memerlukan jawapan yang berbeza. Ayat soal tertutup hanya memerlukan jawapan “ya” ataupun “tidak” manakala ayat soal terbuka pula melibatkan jawapan yang memerlukan sekurang-kurangnya beberapa perkataan yang boleh terdiri daripada pelbagai jenis frasa. Ayat soal terbuka ini pula agak menarik untuk dikaji kerana wujudnya beberapa kata soal yang dapat dibahagikan kepada kata soal argumen dan kata soal bukan argumen. Kata soal argumen ialah kata soal yang menduduki posisi komplemen manakala kata soal bukan argumen pula ialah kata soal yang menduduki posisi adjung dalam ayat soal (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009a).

Bahasa Mendriq merupakan salah satu bahasa daripada rumpun Austroasiatik, juga mempunyai kata soal argumen dan kata soal bukan argumen. Kertas kerja ini akan cuba mengkaji kata soal bahasa Mendriq. Kajian terhadap kata soal bahasa Mendriq ini akan diberikan fokus pada kata soal argumen sahaja. Kata soal argumen dalam bahasa Mendriq ialah *naken* “siapa” dan *luk ai* atau *alow* “apa”. Kedua-dua kata soal ini akan dianalisis dengan menggunakan kerangka Program Minimalis untuk menjelaskan sifatnya sama ada bersifat *in situ* ataupun bergerak.

KERANGKA PROGRAM MINIMALIS

Menurut Chomsky (1995), Program Minimalis merupakan satu model Tatabahasa Sejagat yang diandaikan telah dimiliki oleh manusia sejak lahir lagi dalam Fakulti Bahasanya. Tatabahasa ini beroperasi berteraskan prinsip atau konsep ekonomi. Berpandukan andaian ini, Chomsky (1995) menggambarkan Fakulti Bahasa terdiri daripada leksikon, sistem komputasi, tahap antara muka dan akhir sekali sistem luaran. Aras ini boleh diwakili seperti rajah pada halaman 272.



Leksikon merupakan aras pertama dalam Fakulti Bahasa kerana segala himpunan item leksikal yang tidak tertib susunannya bagi sesuatu bahasa diandaikan terkandung di sini. Setiap item leksikal mengandungi maklumat bunyi, makna dan nahu yang diwakili oleh sistem fitur. Sistem fitur bagi maklumat bunyi direpresentasikan oleh fitur bunyi, maklumat makna direpresentasikan oleh fitur semantik manakala maklumat sintaksis pula direpresentasikan oleh fitur sintaksis. Fitur sintaksis yang dikenali sebagai fitur formal khususnya terdiri daripada fitur PHI (orang, nombor, jantina), fitur fungsian (kala, komplementizer, penentu dan keserasian), fitur kasus (nominatif, datif, akusatif dan genetif), fitur Prinsip Projeksi Tambahan (*EPP feature*), fitur kategori (Kerja, Nama, Preposisi, Adjektif dan lain-lain) dan fitur soal. Fitur ini pula boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu **fitur berinterpretasi** dan **fitur tak berinterpretasi**. **Komputasi** merupakan jentera utama bagi menjana derivasi sintaksis sesuatu ayat. Operasi asas dalam sistem ini ialah Cantum. Chomsky (2001) mencadangkan dua jenis cantuman, iaitu cantuman luaran dan cantuman dalaman. Cantuman luaran merupakan operasi paling asas dalam pembinaan suatu struktur frasa. Cantuman ini merujuk kepada cantuman dua objek sintaksis yang akan membentuk sesuatu unit sintaksis yang baru. Cantuman dalaman pula ialah operasi cantuman antara salah satu konstituen daripada satu unit sintaksis dengan satu unit sintaksis yang lain dalam satu struktur frasa yang sama. Cantuman dalaman merupakan suatu operasi sintaksis yang menyalin satu objek sintaksis itu dan bercantum dengan objek yang lain yang dikenali sebagai Gerak. Pada aras ini Teori Penyemakan Fitur beroperasi untuk menyemak semua fitur tak berinterpretasi dengan betul. Gerak ini dimotivasikan oleh proses penyemakan fitur yang tak berinterpretasi ini. Namun, Gerak tidak beroperasi dengan cepat kerana pergerakan ini dianggap sebagai tidak ekonomis dalam kerangka ini. Cantuman dalaman ini dikawal oleh Syarat Penyelesaian Terakhir yang

SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

memastikan pergerakan hanya untuk menyemak fitur tak berinterpretasi sahaja. Gerak ini pula meninggalkan tanda pada tempat asalnya. Tanda ini dikenali sebagai Bekas. Seterusnya Cetusan ialah satu operasi dalam sistem Komputasi yang berperanan memisahkan atau menyalurkan derivasi ke dua bahagian, iaitu ke tahap antara muka masing-masing. Tahap antara muka adalah terdiri daripada Bentuk Logik (Bentuk-L) dan Bentuk Fonetik (Bentuk-F). Operasi Cetusan penting kerana fitur yang berinterpretasi secara fonetik sahaja yang dapat diinterpretasikan pada Bentuk-F, manakala fitur yang berinterpretasi secara semantik sahaja yang dapat diinterpretasikan pada Bentuk-L. Maka, setiap derivasi sama ada yang dihasilkan menerusi cantuman luaran atau dalaman, akan disalurkan kepada Bentuk-L dan Bentuk-F supaya setiap fitur dapat diberikan interpretasi yang bersesuaian dengan komponen masing-masing selaras dengan prinsip Interpretasi Penuh. Operasi sintaksis pula dapat dibahagikan kepada operasi Sintaksis Nyata dan operasi Sintaksis Terselindung. Operasi Sintaksis Nyata merujuk kepada operasi yang berlaku sebelum Cetusan manakala operasi Sintaksis Terselindung merujuk kepada operasi yang berlaku selepas Cetusan. Operasi ini melibatkan pergerakan. Pergerakan yang dihasilkan di Sintaksis Nyata dikenali sebagai **pergerakan nyata**, manakala pergerakan yang berlaku di Sintaksis Terselindung dikenali sebagai **pergerakan terselindung**. Sekiranya segala derivasi itu dapat menyalurkan fitur tertentu yang berinterpretasi ke aras antara muka dengan betul dan berjaya menyemak segala fitur tak berinterpretasi dengan lengkap maka derivasi ini diandaikan telah Bergabung. Sebaliknya, sekiranya fitur tak berinterpretasi tidak disemak sebelum Cetusan maka derivasi itu dikatakan telah Terhempas. Untuk mengelakkan sesuatu derivasi itu Terhempas maka derivasi ini dikawal oleh Prinsip Interpretasi Penuh (**PIP**) yang beroperasi pada Bentuk-L untuk memastikan segala fitur pada aras antara muka tidak mengandungi fitur tak berinterpretasi.

KATA SOAL ARGUMEN

Sifat sesuatu kata soal dapat dibezakan melalui hubungannya dengan kata kerja. Kata kerja dapat dibahagikan kepada kata kerja transitif dan tak transitif². Kata kerja transitif memerlukan dua unsur untuk melengkapkan maksudnya dalam ayat. Kedua-dua unsur ini dikenali sebagai argumen. Setiap kata kerja transitif akan menerima subjek dan objek sebagai argumennya. Kehadiran argumen itu adalah wajib untuk memenuhi maksud ayat yang sempurna.



FAZAL MOHAMED, NOR HASHIMAH DAN HARISHON

Oleh yang demikian, hubungan kata kerja dengan kata soal juga membolehkan hubungan argumen dan tak argumen dapat dibincangkan dalam bahasa Melayu. Kata soal dalam bahasa Melayu juga mempunyai dua sifat yang berbeza, iaitu sebagai kata soal argumen dan kata soal tak argumen. Kehadiran kata soal dalam ayat mempunyai posisi dan kedudukan yang berbeza-beza. Kata soal argumen ialah kata soalan yang diperlukan untuk memenuhi makna ayat berkenaan. Kehadiran kata soal yang menyoal subjek ataupun objek kata kerja transitif dikenali sebagai kata soal argumen. Sifat ini hanya dimiliki oleh kata soal *apa* dan *siapa* dalam bahasa Melayu. (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009b).

Sebagai contoh, kata soal yang hadir dengan kata transitif seperti:

- (1) (i) *Apakah* yang kamu makan?
(ii) *Apakah* yang berbentuk bulat?
- (2) (i) *Siapakah* yang Ahmad panggil?
(ii) *Siapakah* yang memukul Ahmad?

Dalam (1i) dan (2i) ayat soal itu dihadiri oleh kata soal argumen *apa* dan *siapa* kerana kata soal itu menyoal perkataan di posisi objek kata kerja *makan* dan *panggil*. Dalam (1ii) dan (2ii) ayat soal itu juga dihadiri oleh kata soal argumen *apa* dan *siapa* yang menyoal perkataan di posisi subjek kata kerja *berbentuk* dan *bulat*. Kata soal yang menyoal objek dan subjek dikenali sebagai kata soal argumen. Ini juga menjelaskan bahawa kata soal seperti *apa* dan *siapa* ialah kata soal argumen. Berpandukan huraian ini, artikel ini akan membincangkan kedudukan sebenar kata soal argumen *apa* dan *siapa* dalam bahasa Mendriq.

KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

Bahasa Mendriq yang dituturkan Orang Asli di Pos Kuala Lah di Kelantan ialah daripada rumpun Negrito. Pola dasar bagi bahasa ini adalah seperti dalam bahasa Kensiu, Bateq dan lain-lain (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009c, 2009d). Bahasa Mendriq juga mempunyai beberapa kata soal yang mirip dengan kata soal siapa dan apa dalam bahasa Melayu. Kata soal argumen ini terdiri daripada naken “siapa” dan luk ai atau alow “apa”. Pada umumnya kata soal ini boleh hadir di kedua-dua posisi, iaitu pada awal ayat dan pada akhir ayat seperti dalam bahasa Melayu. Kata soal naken “siapa” ialah seperti dalam (3):

- (3) (i) **Naken** bek?



SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

- Siapa kamu?
Siapakah kamu?
(ii) Bek **naken**?
Kamu siapa?
Siapakah kamu?
(iii) **Naken** teh?
Siapa ni?
Siapakah ini?
(iv) Bek teh **naken**?
Awak ni sapa?
Awak ini siapa ?
(v) Kenmoh teh **naken**?
Nama awak siapa?
Siapakah nama awak?
(vi) **Naken** ton?
Siapa tu?
Siapakah itu?
(vii) Bek anok **naken**?
Awak anak siapa?
Awak ini anak siapa?
(viii) **Naken** bek bentek?
Siapa awak nikah?
Siapakah yang awak nikahi?
(ix) **Naken** saket?
Siapa sakit?
Siapa yang sakit?
(x) Bek bekchip lo **naken**?
Awak pergi dengan siapa?
Awak pergi dengan siapa?
(xi) **Naken** meyen la hep tun?
Siapa mari kat luar tu?
Siapa yang datang di luar itu?

Kehadiran *naken* menunjukkan bahawa kata soal ini boleh hadir pada awal ayat atau pada akhir ayat. Kehadirannya bergantung pada FN yang disoalnya. Sekiranya ayat soal ini menyoal FN objek kata soal itu boleh berada di posisi objek seperti dalam (4):

- (4) (i) Bek **naken**?

- Kamu siapa?
Siapakah kamu?
(ii) Bek bentek **naken**?
Awak nikah siapa ?
Siapakah yang awak nikahi?
(iii) Kenmoh teh **naken**?
Nama awak siapa?
Nama awak siapa? / Siapa nama awak?
(iv) Bek anok **naken**?
Awak anak siapa?
Awak ini anak siapa?
(v) Bek bekchip lo **naken**?
Awak pergi dengan siapa?
Awak pergi dengan siapa?

Kesemua kata soal *naken* berada di posisi objek kerana menyoal posisi objek berkenaan. Kedudukan ini sering dikenali sebagai *in situ*. Justeru, kata soal *naken* dalam bahasa Mendriq didakwa bersifat *in situ*. Sifat ini sering ditonjolkan dalam bahasa-bahasa yang lain dan daripada rumpun yang lain, iaitu rumpun Austronesia.

Keadaan ini bukan sahaja untuk kata soal *naken* yang menyoal posisi objek tetapi *naken* yang menyoal subjek juga menggambarkan keadaan yang sama seperti dalam (5):

- (5) (i) **Naken** saket?
Siapa sakit?
Siapa yang sakit?
(ii) **Naken** meyen la hep tun?
Sapa mari kat luar tu?
Siapa yang datang di luar itu?

Sifat *in situ* *naken* adalah lebih bersifat tetap. Sekiranya *naken* menyoal objek maka ia menduduki posisi objek, tetapi apabila *naken* menyoal subjek maka ia menduduki posisi subjek. Sifat ini membuktikan bahawa *naken* mempunyai sifat *in situ*. Bahasa Mendriq salah satu bahasa di dunia yang menunjukkan sifat *in situ* yang sedemikian seperti dalam bahasa Melayu. Persoalannya ialah adakah sifat *in situ* ini wujud untuk semua bahasa Austroasiatik? Persoalan ini akan dibiarkan tanpa penyelesaian untuk kajian seterusnya kerana kertas kerja ini hanya mengkaji kata soal Mendriq secara analisis sintaksis sahaja.

SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

Namun demikian, sifat *in situ* kata soal bahasa Mendriq tidak teguh. Daripada data Mendriq didapati terdapat variasi dalam penggunaan kata soal yang menunjukkan kata soal yang sama dalam (3) juga boleh bergerak ke hadapan ayat seperti dalam (6):

- (6) (i) **Naken** bek?
Siapa kamu?
Siapakah kamu?
(ii) **Naken** teh?
Siapa ni?
Siapakah ini?
(iii) **Naken** ton?
Sapa tu?
Siapakah itu?
(iv) **Naken** bek bentek?
Siapa awak nikah?
Siapakah yang awak nikahi?

Kedudukan kata soal dalam (6) menunjukkan bahawa kata soal yang menyoal objek sedang berada di posisi awal. Ini adalah kedudukan selepas pergerakan. Kedudukan ini bertentangan daripada (4), iaitu *naken* tidak bergerak dan seterusnya dikenali sebagai *in situ*. Satu kesimpulan yang dapat dinyatakan mengenai *naken* ialah kata soal ini mempunyai dua sifat, iaitu *in situ* dan bergerak. Namun demikian, situasi ini tidak wujud pada kata soal *naken* yang menyoal subjek kerana subjek sememangnya telah menduduki posisi subjek. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai *naken* yang menyoal subjek tidak akan dibincangkan. Justeru, penulis mendakwa bahawa kata soal *naken* bersifat bebas. Seterusnya kita juga perlu melihat kedudukan satu lagi kata soal argumen, iaitu *luk ai* “apa”.

Kata Soal Argumen *Luk ai* atau *Alow* “Apa”

Kata soal apa dalam bahasa ini terdiri daripada dua perkataan, iaitu *luk ai* dan *alow*. Kedua-dua kata soal ini bebas untuk menyoal posisi komplemen sesuatu kata kerja transitif atau menyoal posisi subjek. Ini menyebabkan kata soal ini juga dikenali sebagai kata soal argumen. Hasil daripada perbincangan di atas, kita telah sedia maklum bahawa kata soal yang menyoal posisi subjek tidak menarik dalam bahasa SKO kerana sifat pergerakannya atau *in situ*-nya tidak dapat dibuktikan. Oleh yang demikian, kata soal *luk ai* atau *alow* yang menyoal posisi objek sahaja



FAZAL MOHAMED, NOR HASHIMAH DAN HARISHON

akan dibincangkan di sini. Untuk memudahkan perbincangan maka data kata soal ini akan dibahagikan kepada dua seperti dalam (7) dan (8):

(7) *luk ai*:

- (i) Muk chitoh **luk ai**?
Mu masak apa?
Awak masak apa?
- (ii) Bek tanem **luk ai**?
Awak tanam apa?
Apa yang awak tanam?
- (iii) **Luk ai** debeg wek dalem beg bek ?
Apa yang ada dalam beg awak?
Apa yang ada di dalam beg awak?
- (iv) **Luk ai** tun?
Apa tu?
Apakah itu?
- (v) **Luk ai** bedik?
Apa buat?
Buat apa?
- (vi) Wek **luk ai** bahep tun?
Ada apa hutan tu?
Apa yang ada di dalam hutan tu?

(8) *alow*:

- (i) Bem dik **alow** ke teh?
Kamu buat apa ke sini?
Kamu buat apa ke sini?
- (ii) Bek kerjak **alow**?
Kamu kerja apa?
Apakah pekerjaan kamu?
- (iii) **Alow** bek kerjak?
Apa kamu kerja?
Apakah pekerjaan kamu?
- (iv) **Alow** teh?
Apa ni?
Apakah ini?
- (v) Bebew bадai **alow** bem dik?
Ke sini apa kamu buat?
Kamu buat apa ke sini?

SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

Kedua-dua kata soal argumen ini mempunyai sifat yang sama. Keduanya menunjukkan sifat *in situ* (7i-iii; 8i-ii) dan juga sifat pergerakan (7iv-vi; 8iii-v) pada masa yang sama. Ayat soal (7i-7ii; 7iv-v; 8i-v) menunjukkan bahawa kata soal ini juga boleh menyoal objek dalam sesuatu ayat. Namun, agak menarik apabila (8ii-iii) menggambarkan bahawa kata soal argumen *alow* mempunyai kebebasan untuk berada pada awal ayat dan juga pada akhir ayat. Keadaan yang sama disokong oleh data (7iv-v) yang menunjukkan sifat pergerakan *luk ai*. Pada keseluruhannya, kata soal argumen pada posisi objek ini mempunyai kebebasan untuk bergerak ke awal ayat atau bersifat *in-situ*. Oleh yang demikian, kedua-dua sifat ini didakwa sebagai sifat sintaksis ayat soal dalam bahasa ini yang akan dianalisis menggunakan Program Minimalis dalam perbincangan seterusnya.


Analisis Kata Soal *Naken* dan *Luk Ai/Alow*

Perbincangan di atas telah menunjukkan bahawa kedua-dua jenis kata soal ini bergerak bebas terutama kata soal di posisi objek. Maka kata soal yang menyoal objek tidak semestinya menduduki posisi objek. Sebaliknya kata soal itu juga boleh bergerak ke posisi awal ayat. Pergerakan yang bebas menggambarkan bahawa terdapat sesuatu fitur yang menyebabkan kebebasan ini berlaku.

Perbincangan awal telah menggambarkan bahawa kata soal *naken* ini menduduki posisi *in-situ* dan juga bergerak ke posisi awal ayat. Untuk memudahkan perbincangan maka analisis sintaksis ini akan membahaskan kedudukan pergerakan dan kemudiannya diikuti analisis *in situ*. Oleh yang demikian, ayat soal seperti dalam (6i) diulang semula sebagai (9):

- (9) **Naken** bek bentek?
 Siapa awak nikah?
 Siapakah yang awak nikahi?

Ayat (9) ditandakan (10):



Kata kerja *bentek* ialah kata kerja transitif. Kata kerja ini juga dikenali sebagai kata kerja dua argumen. Kedua-dua argumen kata kerja ini telah dipenuhi dalam (9). Argumen pertama telah dipenuhi oleh kata soal *naken* yang menduduki posisi objek seperti dalam struktur (10). Manakala argumen kedua diduduki oleh Subjek, iaitu *bek*. Ini menunjukkan bahawa ayat ini gramatis. Namun demikian, kata soal *naken* telah bergerak ke posisi skop, iaitu Spek FKOMP. Adger (2004) mendakwa bahawa sekiranya fitur [jenis uklausa] pada KALA dinilai sebagai [DEKLARATIF] maka KALA bersifat lemah. Oleh yang demikian, KALA tidak akan bergerak ke posisi cantuman KOMP. Fitur ini disemak oleh KALA melalui perintah-k. Sebaliknya, sekiranya fitur [jenis uklausa] pada KALA dinilai sebagai [Interrogatif], maka KALA bersifat kuat. Oleh yang demikian, KALA wajib bergerak ke posisi KOMP supaya fitur tak berinterpretasi [jenis uklusa] dapat disemak secara lokal. Ini adalah kerana fitur yang kuat hanya boleh disemak di posisi lokal sahaja. Dalam struktur (10), nodus kala memiliki jenis klausa [uQ] yang tak berinterpretasi tetapi kuat. Oleh yang demikian, untuk menyemak fitur yang kuat ini maka fitur yang kuat ini perlu bergerak ke posisi cantuman KOMP, dan penyemakan berlaku secara lokal.




SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

Chomsky (1986) menyatakan bahawa KOMP membawa fitur yang memberikan indikasi bahawa sesuatu ayat itu ayat kenyataan atau ayat soal. Ayat (9) ialah ayat soal. Oleh yang demikian, kami mencadangkan bahawa struktur (10) dalam bahasa Mendriq akan memiliki fitur kata soal yang tak berinterpretasi tetapi kuat, iaitu [uwh]. Justeru, fitur ini perlu disemak. Namun demikian, fitur yang kuat hanya boleh disemak secara lokal sahaja. Untuk mencapai kedudukan lokal, fitur [uwh] ini akan diperkolatkan ke posisi KOMP' seperti dalam (10). Ini menyebabkan kata soal *naken* perlu bergerak ke posisi spek FKOMP untuk menyemak fitur tak berinterpretasi itu. Maka berlaku pergerakan kata soal ke posisi skop, iaitu Spek FKOMP. Penyemakan ini berlaku sebelum Cetusan. Maka ayat ini ditandakan gramatis. Oleh yang demikian, Program Minimalis telah berjaya menganalisis pergerakan kata soal dalam bahasa Mendriq.

Namun demikian, ini bukan sebenarnya yang ditonjolkan oleh bahasa ini. Sebaliknya, bahasa ini mempunyai pilihan untuk kata soalnya tidak bergerak ke posisi skop, iaitu bersifat *in-situ*. Ini bermakna struktur ini akan mempunyai fitur tak berinterpretasi yang tidak disemak sebelum cetusan. Sekali gus ayat ini akan ditandakan tidak gramatis. Ayat ini akan gagal apabila tiba ke bentuk logik. Sebaliknya, ayat ini diterima oleh penutur asli bahasa Mendriq dan ditandakan seperti dalam (11).

(11).



Ini sekali gus menyebabkan penulis perlu mendakwa bahawa kata soal *naken* bersifat opsyenal. Pergerakannya boleh berlaku sama ada ke posisi depan atau kekal di belakang dalam ayat soal. Namun demikian, penulis mencadangkan analisis Adger (2004) mengenai kehadiran operator kosong *Op* pada kata soal ya/tidak pada posisi Spek Fkomp boleh diaplikasikan dalam kata soal frasa bahasa Mendriq. Ini penting kerana masalah pada sifat fitur tak berinterpretasi yang kuat akan mewajibkan penyemakan yang bersifat lokal sahaja. Oleh yang demikian, penulis turut mendakwa bahawa kata soal *naken* yang bersifat opsyenal mempunyai operator kosong *Op* untuk memenuhi keperluan penyemakan seperti yang telah digambarkan di atas. Kami mencadangkan bahawa *Op* hadir pada semua kata soal bahasa Mendriq tetapi bersifat opsyenal untuk bergerak ke posisi Spek FKOMP. Oleh yang demikian, kehadiran *Op* menyebabkan fitur [uwh] yang kuat dapat disemak dan interpretasi penuh dapat diperoleh seperti yang digambarkan dalam (11).

Pemilihan cara analisis ini bukanlah bersifat *ad hoc*. Sebaliknya, penulis mendakwa bahawa bahasa Mendriq ini mempunyai satu sifat yang unik, iaitu kata soal argumennya tidak perlu bergerak ke hadapan. Sekiranya penutur memilih untuk mengerakkan kata soal maka operator kosong *Op* itu tidak wujud di posisi Spek KOMP. Kedudukan *Op* di posisi KOMP itu adalah untuk memenuhi kriteria penyemakan sahaja. Sekiranya tidak, ayat ini akan gagal selepas Cetusan kerana fitur [uwh] yang kuat tidak disemak sebelum Cetusan. Fitur tak berinterpretasi yang kuat yang tidak disemak sebelum Cetusan tidak dapat diinterpretasi pada BL. Analisis ini juga mendakwa bahawa bahasa yang mempunyai kata soal *in situ* mempunyai *Op*. Kewujudan *Op* menyebabkan bahasa ini mempunyai alternatif untuk bergerak ke posisi skop atau *in situ* pada posisinya. Malah, bahasa Melayu juga turut menunjukkan sifat yang sama dalam bahasa pertuturnya. (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009b).


Kata soal *naken* sahaja bukan kata soal argumen dalam bahasa Mendriq. Malah, wujud dua lagi kata soal yang dikenali sebagai kata soal argumen, iaitu *lok ai* dan *allow*. Perbincangan pada awal bahagian juga telah menjelaskan bahawa kedua-dua kata soal ini juga menunjukkan bahawa kedua-duanya memiliki dua sifat, iaitu *in situ* dan bergerak. Kedua-dua kata soal ini menunjukkan bahawa kedudukan kata soal ini boleh diterima:

- (12) Bem dik **allow?**
 Kamu buat apa?
 Kamu buat apa?


SINTAKSIS KATA SOAL ARGUMEN BAHASA MENDRIQ

- (13) **Alow** bem dik?
 Apa kamu buat?
 Kamu buat apa?

Berpandukan perbincangan terhadap *naken* maka kata soal (12) dapat ditandakan sebagai (14), manakala kata soal (13) ditandakan (15):



Struktur (14) menggambarkan kehadiran fitur tak berinterpretasi [uwh] yang memerlukan penyemakan secara lokal. Kata soal ini tidak memilih untuk bergerak dan bergabung di posisi Spek FKOMP. Namun demikian, ayat ini tetap ditandakan gramatis dengan kehadiran operator kosong sebagai penyelamatnya dalam struktur ini. Analisis ini sama seperti dalam struktur (11). Seterusnya ayat (13) yang menunjukkan pergerakan pula akan ditandakan sebagai (15).



Struktur (15) adalah sama dengan struktur (11). Kata soal *alow* juga mempunyai kelebihan untuk bergerak ke posisi skop, iaitu Spek FKOMP. Kehadiran kata soal menyebabkan *Op* tidak wujud lagi di posisi skop. Ketiadaan *Op* menyebabkan pergerakan ke posisi skop tidak dapat dihalang dan berlaku pergerakan. Ini mengukuhkan dakwaan bahawa fitur tak berinterpretasi [uwh] itu kuat tetapi kekuatannya itu tidak mewajibkan pergerakan kata soal kerana kehadiran *Op*. Sebaliknya, ketiadaan *Op* menyebabkan pergerakan kata soal ke posisi skop. Ini adalah satu analisis yang menyeluruh terhadap semua kata soal argumen dalam bahasa Mendriq.

KESIMPULAN

Makalah ini telah memaparkan analisis kata soal argumen yang terdiri daripada *naken*, *alow* dan *lok ai*. Analisis deskriptif telah membahaskan bahawa ketiga-tiga kata soal ini mempunyai alternatif untuk bersifat *in situ*, iaitu berada di posisi akhir ayat soal, atau bergerak, iaitu bergerak ke posisi awal ayat soal. Sifat *in situ* atau bergerak itu tidak dipengaruhi oleh mana-mana perkataan dalam ayat tersebut. Oleh yang demikian, analisis sintaksis adalah analisis terbaik untuk melihat fenomena yang kompleks ini. Analisis sintaksis mendapati bahawa KOMP sememangnya mempunyai [uwh] yang kuat tetapi kekuatan berkenaan tidak mampu mewajibkan kata soal tersebut bergerak ke posisi skop. Sebaliknya, analisis ini telah mendakwa bahawa posisi Spek FKOMP dihadiri oleh Op (operator kosong) pada posisi Spek FKOMP untuk menyemak fitur [uwh] yang kuat. Kehadiran Op pula tidak juga menghalang pergerakan kata soal argumen ke posisi skop. Bahasa ini menggambarkan bahawa kata soal argumen yang bergerak atau *in situ* tidak menjadi masalah untuk menyemak semua fitur sebelum cetusan dan sekali gus menandakan ayat tersebut gramatis.

NOTA

- ¹ Kajian ini dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, di bawah dana GUP berkod UKM-GUP-PLW-08-11-047.
- ² Kata kerja tak transitif juga dapat dibahagikan kepada kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Kata kerja yang merupakan predikat tiga tempat pula dikenali sebagai kata kerja dwitransitif.



FAZAL MOHAMED, NOR HASHIMAH DAN HARISHON

RUJUKAN

- Adger, David. 2004. *Core Syntax: A Minimalist Approach*. Oxford: Oxford University Press.
- Chomsky, N., 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge. MA: MIT Press.
- Chomsky, N., 1986. *Knowledge of Language. Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2005. *Analisis Sintaksis ke atas Enklitik “-nya” dalam Bahasa Melayu*. Disertasi PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Ajid Che Kob, Harishon Radzi, 2009a. Sintaksis Kata Soal Argumen Dialek Utara Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa*, hlm. 235 – 42.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Ajid Che Kob, Harishon Radzi, 2009b. “Apa Menyoal Siapa atau Siapa Menyoal Apa?: Analisis Minimalis Kata Soal Dialek Utara” dlm. *Jurnal Persatuan Linguistik*. 9: 73–93.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009c. “Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Bateq” dlm. *GEMA*. 9(1):47–61.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2009d. “Sintaksis Frasa Nama Bahasa Kensiu” dlm. *Jurnal Bahasa*. 9(2):155–72.